

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Monday, 22 May, 2017 2:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEMAI MOTIVASI MENABUR MANFAAT SMK BATU LAPAN SIK KEDAH



22 MEI 2017 / 25 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh : H. Rasidah H. Rodzi & Ary Virgiansyah Hidayat
Gambar oleh: Anjung Tamu

SEMAI MOTIVASI MENABUR MANFAAT SMK BATU LAPAN SIK KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Ramai orang yang dianugerahkan kecerdasan, bakat serta kemampuan yang luar biasa dalam kehidupannya tetapi tidak mampu berjaya secara optimal dan terkadang hanya menyalahkan nasibnya saja dalam kehidupan.

Padahal jika dilihat dengan lebih saksama, semuanya itu terjadi bukanlah kerana kurangnya kemampuan yang ia miliki namun kurangnya motivasi dalam kehidupannya.

Dalam konteks ini, guru pengiring yang merupakan Kaunselor Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Lapan (SMK Batu Lapan) Sik, Kedah, Mohd. Syukri Kamis menegaskan bahawa motivasi amat penting dalam kehidupan.

“Motivasi merupakan kunci kepada kejayaan yang perlu dimiliki oleh setiap individu terutamanya para pelajar yang baru meniti arus cabaran dalam mencapai kejayaan.”

Oleh itu, beliau bersama 46 pelajar SMK Batu Lapan tidak mensia-siakan kesempatan untuk melawat Universiti di Rimba Hijau setelah diatur oleh Pusat Islam UUM. Keceriaan pun terlihat jelas dari raut wajah mereka.

Persinggahan mereka di UUM *Welcome Centre* membawa harapan supaya pendedahan, peluang pendidikan serta pengalaman dapat ditimba sebanyak yang mungkin sebagai suntikan motivasi.

Selain itu, menurut beliau lagi,

“Bagus dan bermaklumat tempat ini sebagai kawasan hentian Rehat & Rawat (R& R) UUM.”

Setelah ilmu diisi penuh ketika di *Welcome Centre*, mereka seterusnya dibawa melawat sekitar kampus oleh Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Modal Insan, Pusat Islam, Siti Khairiah Parlan.

Keyakinan ketika melawat kampus yang mengasyikkan telah memberi motivasi yang luar biasa serta dapat menimbulkan energi kepada mereka apatah lagi melawat ke Pusat Islam di akhir destinasi.

Apa yang dilalui pasti memberi semangat baru kepada mereka untuk lebih berusaha dengan gigih dan bekerja keras bagi mencapai kejayaan demi kejayaan.

=====

DARIPADA:

ANJUNG TAMU

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

CANSELORI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098

FAKS: 04-928 3095

E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.